

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KEBERSIHAN,
KEINDAHAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN
1999, DI KG. RENOK BARU, GUA MUSANG
30 SEPTEMBER 1999

Saudari Pengacara Majlis

YBM. Tengku Razaleigh Hamzah
Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan dan Ahli Parlimen Gua Musang

YB. Dato' Annuar Musa
Menteri Pembangunan Luar Bandar

YB. Dato' K.Kumaran
Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar

YB. Dato' Ibrahim Ali
Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

YB. Dato' Douglas Unggah Embas
Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Yang Berusaha Puan Hajjah Rahmah bt Kassim
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar

- Dhif-dhif Kehormat
- Dato'-Dato'
- Tuan-tuan dan puan-puan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama hadir dan berhimpun pada pagi ini di Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebersihan, Keindahan dan Kemajuan Kampung Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1999 ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kerajaan Negeri Kelantan dan penduduk tempatan Jajahan Gua Musang yang sudi menjemput saya dan isteri untuk hadir ke Kampung Renok Baru untuk bersama-sama menyempurnakan majlis pada pagi ini.

Saya dimaklumkan bahawa selain dari penduduk dan pemimpin masyarakat tempatan, majlis ini juga dihadiri oleh Ahli-ahli JKKK dan JKKR dari setiap negeri diseluruh negara termasuk dari Sabah, Sarawak dan Labuan. Kepada mereka yang datang dari jauh, kita mengucapkan selamat datang ke Kampung Renok Baru dan pertemuan pada pagi ini saya harap bukan sahaja akan dapat menjalin dan mengeratkan hubungan `silaturrahim' dan membina hubungan persaudaraan di antara kita bahkan sekaligus memperluas pengalaman dan memperkayakan pengetahuan kita semua. Kehadiran tuan-tuan dan puan- puan yang datang dari

kampung-kampung di seluruh negara untuk bersama-sama dengan penduduk di Jajahan Gua Musang pada hari ini adalah hasil dari sumbangan bakti dan kejayaan yang telah tuan-tuan berikan dan tunjukkan dalam usaha memaju dan membangunkan kampung masing- masing. Dalam ertikata lain Penyertaan di dalam Pertandingan Kebersihan, Keindahan dan Kemajuan Kampung yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar diperingkat daerah, negeri dan kebangsaan telah berjaya menemukan kita semua di majlis yang gilang gemilang pada pagi ini.

Saya merasa sungguh bangga dan bersyukur kerana tuan- tuan dan puan-puan yang mewakili sebilangan masyarakat di luar bandar telah memainkan peranan kepimpinan masing- masing dan sentiasa menunjukkan keazaman yang tinggi dan gigih menyumbang jasa bakti menyatu tenaga untuk membangunkan masyarakat desa dan negara yang tercinta ini. Keazaman dan kesedaran seperti ini amatlah dihargai dan merupakan pra syarat dalam konteks memajukan masyarakat dan membangunkan negara. Kawasan luar bandar tidak akan memperlihatkan kemajuan kejayaan sekiranya tidak mendapat sokongan dan penyertaan rakyat di peringkat akar umbi seluruhnya.

Hal ehwal kebersihan dan keindahan sudah semestinya menjadi sebahagian penting di antara aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Sebenarnya ianya sememangnya dituntut oleh Agama Islam yang maha suci. Allah (s.w.t) sesungguhnya mengemari dan menghendaki makluknya bersih dan kebersihan dan keindahan itu adalah sebahagian daripada budaya dan tuntutan agama. Kebersihan dan keindahan kampung ini secara langsung memperlihatkan nilai-nilai murni yang lain seperti kebersihan diri, kebersihan makanan, rumah dan persekitarannya. Sesungguhnya semua bentuk kebersihan ini mencerminkan hati budi dan tatasusila hidup kita.

Kegiatan-kegiatan memaju dan memakmurkan masyarakat perlu menjadi agenda utama dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kita. Tanggungjawab membangunkan kampung sebenarnya boleh dilaksanakan sendiri oleh setiap anggota bagi sesebuah masyarakat kampung. Terdapat perkara-perkara yang boleh dilaksanakan dan dibangunkan sendiri melalui kerjasama, muafakat dan kepimpinan bagi setiap kampung. Aktiviti-aktiviti seperti membersihkan kampung, mengamarahkan masjid, mewujudkan pusat sumber, pondok komputer, bergotong-royong, kelas-kelas tuisyen, kemudahan riadah, ceramah agama dan kawasan-kawasan industri kecil boleh dianjurkan oleh pemimpin dan orang ramai. Untuk tujuan ini asas yang penting yang perlu wujud adalah kepimpinan yang ikhlas dan berwibawa dan wujudnya kesepakatan di kalangan penduduk. Di samping itu aktiviti memajukan kampung boleh dibuat dengan kerjasama badan-badan sukarela, pertubuhan-pertubuhan dengan melibatkan berbagai jenis projek kemasyarakatan yang lebih besar seperti gotong-royong, ceramah, kursus dan bengkel- bengkel. Semua lapisan masyarakat seperti pemimpin- pemimpin politik, usahawan-usahawan dan pegawai-pegawai kerajaan bolehlah dilibatkan bersama dengan penduduk kampung melalui projek-projek yang produktif dan mendatangkan hasil seperti pertanian komersil, industri kecil, kelas-kelas komputer dan sebagainya.

Dengan pendekatan-pendekatan sebegini kita akan dapat menzahirkan hubungan yang sistimetik dan saling melengkapi di antara Kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap pembangunan masyarakat desa dan setiap anggota masyarakat yang saya yakini berada di belakang Kerajaan untuk bersama-sama mencipta wawasan yang gemilang.

Dalam hubungan inilah saya ingin menekankan nilai-nilai yang terkandung melalui

usaha-usaha yang dibuat melalui program-program Pertandingan Kampung dan pertandingan lain yang hampir serupa seperti Pertandingan Kebersihan Sungai dan lainnya. Sebenarnya pertandingan ini merupakan sebahagian daripada falsafah Gerakan Desa Wawasan yang berhasrat membawa dan mengerakkan sektor luar bandar seiring dengan kawasan bandar untuk sama-sama membina wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Setelah kita berjaya menyediakan, membangunkan dan memodenkan kemudahan asas dan infrastruktur negara kita sejak mencapai kemerdekaan, maka tibalah masanya untuk kita maju selangkah ke hadapan dengan menumpukan kepada pembangunan sumber manusia dan pembangunan minda selaras dengan Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar yang sedang dipelopori oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kawasan luar bandar akan terus memainkan peranan yang sama pentingnya dengan kawasan bandar untuk bergiat cergas dalam berbagai lapangan sosial dan ekonomi yang produktif.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip ekonomi yang terbuka dan bersikap baik dengan semua negara terutamanya negara-negara jiran maka negara kita sememangnya terdedah kepada berbagai pengaruh yang datang dari luar negara melalui berbagai saluran. Melalui media elektronik, internet, perdagangan yang lebih bebas, perkembangan filem dan industri muzik negara kita mengalami ledakan dan memasukkan perkembangan-perkembangan yang baru. Walaupun kemajuan-kemajuan ini secara amnya adalah baik tetapi kita perlu waspada kemungkinan sebahagiannya pula adalah tidak sesuai dengan budaya kita. Di dalam dunia yang sentiasa mengalami perubahan dan berbagai perkembangan baru yang berlaku masyarakat Malaysia menjadi semakin lebih sejagat (global) di mana sempadan dan kawasan pemisah semakin kurang jelas. Penyebaran berita, budaya, ilmu pengetahuan dan bermacam-macam perkara baik dan tidak baik termasuk manipulasi dan pembohongan boleh berlaku sewenang-wenangnya. Hiburan murahan dan budaya berseronok-seronok yang terkandung di dalam proses ini dijangka akan menular dengan lebih meluas dan mungkin akan mempengaruhi golongan muda mudi. Kegiatan-kegiatan yang sihat seperti membaca buku, kegiatan kesukanan dan aktiviti keagamaan hendaklah kita teruskan.

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum dunia sentiasa mengalami berbagai perubahan dan pergolakan yang amat pesat dan negara kita tidak terkecuali daripada pengaruh pergolakan ini. Setiap perubahan yang berlaku dalam apa bidang sekalipun sudah semestinya mempunyai kesan kepada kehidupan setiap lapisan masyarakat. Perubahan dan kemajuan dalam bidang ekonomi, teknologi elektronik komunikasi dan maklumat, industri muzik, turun naik harga komoditi dan pergolakan politik semuanya akan mencorakkan keadaan setempat. Perubahan dan kemajuan ini semua sentiasa mempengaruhi dan mencabar keadaan kehidupan kita. Harga-harga komoditi di kawasan luar bandar seperti getah, kelapa sawit, padi, koko dan sebagainya sering mengalami naik akibat pergolakan tersebut. Anggota masyarakat luar bandar seperti juga di bandar perlu juga mengambil tahu dan sensitif kepada setiap perubahan yang berlaku di dalam dan di luar negara seperti itu supaya kita akan sentiasa menyedari ke atas setiap perubahan dan berupaya untuk mengambil langkah-langkah sekiranya perubahan-perubahan ini mempunyai kesan negatif kepada kita seperti kegawatan ekonomi yang melanda negara akibat angkara pedagang matawang dari luar negara.

Hari ini kita telah mula diperkenalkan dengan perkembangan yang disebut K-Ekonomy (Knowledge Ekonomy) dan K-Society (Knowledge Society) iaitu yang merujuk kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat yang berasaskan kepada

ilmu pengetahuan, daya fikir dan daya intelek (akal). Kekuatan otak (akal) adalah jauh lebih berharga daripada kekuatan otot. Kemajuan manusia untuk masa akan datang akan bergantung ke atas keupayaan manusia menguasai dan memperkayakan setiap bidang ilmu pengetahuan. Kecanggihan industri elektronik dan komunikasi hari ini memperluaskan lagi penyebaran maklumat di seluruh dunia. Negara yang berkebolehan menguasai ilmu pengetahuan mempunyai kelebihan dan akan berada di hadapan negara-negara yang lain. Keunggulan dalam lapangan perindustrian, perdagangan, pendidikan, pertahanan dan penyelidikan adalah bergantung di atas inovasi dan penciptaan kreatif berasaskan pencapaian ilmu pengetahuan yang secara keseluruhannya adalah teras kekuatan dan kejayaan sesebuah bangsa dan negara. Di dalam kemajuan industri sebagai contoh persaingan yang begitu sengit berkehendakkan syarikat-syarikat perlu berupaya mengeluarkan produk-produk yang inovatif, berdaya saing dan berupaya menarik minat pelanggan. Untuk tujuan itu maklumat, pengetahuan dan penyelidikan sudah semestinya dipertingkatkan dan melibatkan penduduk luar bandar. Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk memperluaskan pusat-pusat IT di luar bandar supaya konsep K-Economy dan K-Society atau masyarakat berpengetahuan ini dapat dizahirkan.

Bersesuaian dengan perubahan ini sistem ekonomi moden pada hari ini kita sudah perlu bergerak dalam sistem pengeluaran secara komersil, berteknologi tinggi dan melibatkan sistem pemasaran yang lebih luas dan boleh berdaya saing. Masyarakat luar bandar perlu mengurus ekonomi dan cara hidup dengan lebih moden dan membuat perubahan-perubahan dalam cara kita bekerja dan mencari sumber pendapatan.

Di atas kesedaran bahawa pembangunan negara khususnya masyarakat di luar bandar perlu menghadapi cabaran-cabaran seperti yang telah dinyatakan tadi, maka marilah kita sama-sama meningkatkan keazaman dan memantapkan usaha ke arah memperteguhkan masyarakat dan pembangunan kampung dan negara kita. Semua pihak di kalangan kita termasuk pemimpin-pemimpin politik, pegawai-pegawai Kerajaan, pemimpin-pemimpin belia dan wanita, JKKK dan JKKR perlulah menentukan peranan kita, menilai dan meningkatkan usaha dan tahap keupayaan kita untuk memastikan pengurusan masyarakat dan negara kita berada di landasan yang sehaluan dengan wawasan negara dan dapat membawa pembangunan dengan sempurna dan merangsang generasi, bangsa dan negara menuju alaf baru dengan lebih cemerlang.

Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini, perlu kita ambil peringatan bahawa usaha dan komitmen untuk memertabatkan bangsa, ugama dan negara adalah proses yang berterusan dan menjadi tanggung-jawab setiap rakyat yang cintakan negara. Pembangunan yang dilaksanakan sudah semestinyalah mencakupi semua lapangan yang akan membawakan kemajuan fizikal, pemikiran, nilai hidup, maruah dan kesempurnaan spiritual yang dapat melahirkan masyarakat harmoni, bersatu-padu. Kawasan luar bandar harus terus mengekalkan identiti dan nilai-nilai kemasyarakatan yang murni dan akan tetap berada di dalam arus perdana perkembangan negara.

Akhirnya saya mengucapkan syabas dan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan dan saya akhiri ucapan saya dengan wabillahi taufik wassalamualaikum w.t.b.

Terima kasih.